


Holista edar kit ujian rapid COVID-19 akhir Jun

Jun 18, 2021 @ 7:19pm



Holista akan mengedar kit ujian diagnostik HecinTM 2019-nCoV - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Holista Colltech Ltd memperoleh pesanan awal sebanyak 15,000 kit ujian rapid antigen (RTK-AG) bernilai AS\$73,000 daripada Guangdong Hecin Scientific Inc (Hecin), China.

Dalam satu kenyataan hari ini, Holista, pakar produk kesihatan dan kesihatan semula jadi, berkata ujian kit diagnostik HecinTM 2019-nCoV akan digunakan untuk mengesan antigen virus SARS-CoV-2 melalui swab dari hidung dan mendapat keputusan dalam masa 15 minit.

"Sebanyak 15,000 unit akan dihantar pada akhir bulan ini ke Klinik Mutiara di Klang, sebahagian daripada Amegajaya Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat perundingan perubatan yang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan organisasi yang berkaitan.

"Pesanan pertama diperoleh oleh anak syarikat milik penuh Holista, Holista Biotech Sdn Bhd dan kit ini akan digunakan oleh profesional yang berdaftar di cawangan Klinik Mutiara seluruh negara untuk tujuan saringan menjelang hujung bulan ini," katanya.

Pada 14 Jun 2021, Holista mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) KKM untuk mengimport dan mengedar hingga 45,000 unit kit ujian antigen Hecin untuk kegunaan kecemasan.

Holista berpusat di Petaling Jaya, Selangor dan disenaraikan di Bursa Sekuriti Australia.

Ia turut dibenarkan untuk mengimport dan mengedar kit ujian antibodi Hecin yang dapat menguji serum manusia, plasma atau darah secara menyeluruh bagi mengenal pasti tahap antibodi untuk penilaian imuniti setelah divaksinasi.

-BERNAMA